

MINIT MESYUARAT BIL 2/2018
JAWATANKUASA KERJA SUMBER & BAHAN LESTARI

TARIKH : **25hb Oktober 2018 (Khamis)**
MASA : **9.00 pagi – 12.00 tgh/h**
TEMPAT : **Bilik Mesyuarat Utama**
Tingkat 11, Cawangan Arkitek,
Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur

KEHADIRAN

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>
Pengerusi		
1.	Pn.Nik Ainun Zanariah Nik Abd.Rashid	Pengarah Rekabentuk dan Pembangunan Kepakaran, Cawangan Arkitek
Cawangan Kejuruteraan Jalan & Jambatan		
2.	Ir.Mohammad Nizan Edris	Jurutera Awam (J44)
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan		
3.	Sr.Anita Ibrahim	Juruukur Bahan Pengguna Kanan
4.	Sr.Nur Waheeda Ismail	Juruukur Bahan Kanan
Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga		
5.	Pn. Monaliza M. Hassan	Arkitek Pengguna
Cawangan Kejuruteraan Elektrikal		
6.	Ir. Muhammad Zamri Ramli	Jurutera Elektrik Kanan
Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur		
7.	Pn. Wan Hidayatul Hak Wan Jusoh	Jurutera Awam Kanan
Cawangan Arkitek		
8.	Pn.Rahawiah Shafiei	Arkitek Pengguna
9.	En. Muhammad Fahd M.Hairi	Arkitek (J44)
Caw. Kejuruteraan Mekanikal		
10.	Ir.Dr. Abdul Murad Bin Zainal Abidin	Jurutera Mekanikal Pengguna Kanan

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>
Cawangan Senggara dan Fasiliti Bangunan		
11.	Pn. Darvina Mohd Jani	Arkitek (J44)
Urusetia		
12.	Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam	Arkitek Penguasa Kanan
13.	Dr. Azlina Aziz	Arkitek Kanan
14.	Pn. Siti Marsitah Rosly	Arkitek (J44)
15.	En. Marzianna Binti Ahmad	Arkitek (J41)
16.	Pn. Zaleha Bt Mohamed Hashim	Pelukis Pelan Senibina (J22)
Bil.	Perkara Dibincangkan	Tindakan
1.0	PENDAHULUAN OLEH PENGERUSI	
1.1	Kata-kata Aluan Pengerusi memberikan ucapan aluan dan terima kasih ke atas kehadiran dan semua Ahli Jawatankuasa Kerja Sumber dan Bahan dan mengingatkan semua ahli mesyuarat agar dapat menepati waktu mesyuarat dan memaklumkan awal kepada pihak urusetia sekiranya tidak dapat hadir.	Makluman
1.2	Latar belakang Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini adalah untuk menyemak dan melaporkan status semasa pencapaian pelan tindakan Jawatankuasa Kerja Sumber & Bahan untuk dibawa ke Mesyuarat JK Induk Pembangunan Lestari JKR Malaysia Bil. 2/2018 yang dijadualkan pada bulan November 2018.	Makluman
2.0	MAKLUMBALAS STATUS SEMASA PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN	
2.1	Urusetia membentangkan status semasa lima (5) skop inisiatif berserta pelan tindakan kepada ahli mesyuarat	Makluman
2.2	Pencapaian setiap inisiatif pelan tindakan yang telah dikemaskini adalah seperti LAMPIRAN A.	Makluman
3.0	PERLAPORAN ISU-ISU BERKAITAN PELAN TINDAKAN	
3.1	STATUS JAWATANKUASA KECIL JMAL/BAHAN LESTARI OLEH CAWANGAN ARKITEK Wakil Cawangan Arkitek selaku urusetia bagi Jawatankuasa Kecil JMAL (JKKJMAL) ini telahpun mengedarkan surat penamaan ahli kepada cawangan-cawangan yang terlibat. Memandangkan CKE dan CKJ telah mempunyai jawatankuasa tersendiri,maka keahlian dalam JKJMAL adalah lebih kepada khidmat nasihat sahaja.	Makluman/ JKKJMAL

Bil.	Perkara Dibincangkan	Tindakan
3.1.2	Urusetia Jawatankuasa Kecil JMAL juga mencadangkan kepada ahli mesyuarat agar ahli jawatankuasa ini diwakili oleh pegawai yang sama dengan Jawatankuasa Kerja Sumber dan Bahan bagi memudahkan penyelarasan input mesyuarat dan kedua-dua mesyuarat jawatankuasa dapat diadakan pada hari yang sama.	JKKJMAL /Urusetia JKS&B
3.1.3	Pengerusi mencadangkan agar satu Pelan Kerangka Strategik bagi JKJMAL dapat disediakan bagi mengenalpasti objektif,inisiatif, pelan tindakan dan halatuju serta carta perbatuan. Bengkel bersama BTM perlu diadakan bagi melatih pegawai dalam menggunakan sistem aplikasi JMAL bagi memastikan pegawai yang dilantik untuk mengemaskini sistem tersebut adalah kompeten. Bengkel pengemaskinian senarai bahan lestari juga perlu diadakan.	JKKJMAL
3.1.4	Wakil daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) bersedia untuk berkongsi ilmu berkaitan pembangunan dan pelaksanaan sistem atas talian <i>Electrical Material Approve List (EMAL)</i> yang ditadbir urus oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik.	JKKJMAL
3.1.5	Wakil daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) turut mencadangkan agar penyertaan ahli jawatankuasa sebaiknya merangkumi pegawai yang terlibat dengan rekabentuk, pengurusan projek dan senggara bagi mendapatkan input yang lebih komprehensif dan menyeluruh.	JKKJMAL
3.1.6	Sehingga kini, sistem atas talian JMAL hanya melibatkan senarai bahan bagi skop senibina, elektrik dan jalan sahaja; sehubungan dengan itu, wakil daripada Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS) memaklumkan untuk skop struktur, hanya melibatkan kelulusan sistem, bukaan bahan.	Makluman
3.1.7	Sistem atas talian JMAL juga dicadangkan agar mempunyai pautan terus dengan MyHIJAU yang dibangunkan oleh Kementerian Tenaga,Sains,Teknologi,Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim.	JKKJMAL
3.1.8	Pengerusi mencadangkan agar peranan dan tanggungjawab ahli jawatankuasa serta terma rujukan dapat dibangunkan.	JKKJMAL
3.1.9	Pengarah mencadangkan agar CASKT menerangkan atau meyakinkan pihak pelanggan /HOPT mengenai nilai tambah kepada projek melalui pelaksanaan penarafan pHJKR/MyCREST	CASKT
3.2	SKOR IBS 3 jenis projek dilaporkan sebagai tidak mencapai skor 70% oleh kerana projek-projek ini tidak melibatkan komponen IBS skop senibina. Projek –projek tersebut adalah: i. Kemudahan sukan (gelanggang serbaguna) ii. Kemudahan pendidikan (bengkel kulinari) iii. Kemudahan pendidikan (bengkel pengajian awal kanak-kanak, fesyen dan membuat pakaian)	

Bil.	Perkara Dibincangkan	Tindakan						
3.3	<p>PENGISIAN FORMAT OUTCOME BASE PELAN TINDAKAN JAWATANKUASA KERJA SUMBER DAN BAHAN</p> <p>Format perlaporan pencapaian pelan tindakan berdasarkan Outcome base telahpun diedarkan melalui emel pada 25 Oktober 2018 dan perlu dikembalikan kepada pihak urusetia pada 26 Oktober 2018.</p>	Makluman/ Urusetia Mesyuarat						
4.0	HAL-HAL LAIN							
4.1	<p>PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN PERBANDINGAN KOS M&E BAGI REKABENTUK BERSILING DAN TANPA SILING</p> <p>Wakil Cawangan Arkitek membentangkan perbandingan kos kerja-kerja mekanikal dan elektrikal bagi rekabentuk bersiling dan tanpa siling. Kelebihan dan kekurangan bagi rekabentuk bersiling dan tanpa siling turut dinyatakan bersama. Rumusan hasil kajian rekabentuk tanpa siling adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SKOP</th><th>RUMUSAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Elektrikal</td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Proses rekabentuk dapat dipercepatkan kerana tidak perlu merujuk lukisan siling oleh arkitek • Masa pembinaan dapat disingkatkan kerana kerja-kerja hanya melibatkan penyelarasan dan pemasangan skop kerja elektrikal dan mekanikal sahaja • Penyelenggaraan lebih mudah cepat kerana tiada kekangan ruang untuk selenggaraan • Kerja-kerja pemasangan dan mengkod warna <i>conduit, cable</i> dan <i>tray</i> bagi infra servis perlu dibuat dengan lebih teliti dan memerlukan penyelarasan semasa proses rekabentuk dan pembinaan. Perkara ini dijangka akan memberi implikasi kepada tempoh masa, prestasi sistem serta kos tambahan kepada kerja-kerja plaster, cat dan <i>light fitting/fixture</i>. </td></tr> <tr> <td>Mekanikal</td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan kepada sistem mekanikal • Kualiti dan prestasi sistem mekanikal yang lebih baik kerana koordinasi lebih teratur dan kualiti udara yang lebih baik kerana ruang perlu direkabentuk secara air-tight. • Penjimatan kepada pemasangan sistem seperti <i>double layer detector</i> sebanyak 5% dan <i>sprinkler</i> sebanyak 6% daripada keseluruhan kos sistem pencegahan kebakaran </td></tr> </tbody> </table>	SKOP	RUMUSAN	Elektrikal	<ul style="list-style-type: none"> • Proses rekabentuk dapat dipercepatkan kerana tidak perlu merujuk lukisan siling oleh arkitek • Masa pembinaan dapat disingkatkan kerana kerja-kerja hanya melibatkan penyelarasan dan pemasangan skop kerja elektrikal dan mekanikal sahaja • Penyelenggaraan lebih mudah cepat kerana tiada kekangan ruang untuk selenggaraan • Kerja-kerja pemasangan dan mengkod warna <i>conduit, cable</i> dan <i>tray</i> bagi infra servis perlu dibuat dengan lebih teliti dan memerlukan penyelarasan semasa proses rekabentuk dan pembinaan. Perkara ini dijangka akan memberi implikasi kepada tempoh masa, prestasi sistem serta kos tambahan kepada kerja-kerja plaster, cat dan <i>light fitting/fixture</i>. 	Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan kepada sistem mekanikal • Kualiti dan prestasi sistem mekanikal yang lebih baik kerana koordinasi lebih teratur dan kualiti udara yang lebih baik kerana ruang perlu direkabentuk secara air-tight. • Penjimatan kepada pemasangan sistem seperti <i>double layer detector</i> sebanyak 5% dan <i>sprinkler</i> sebanyak 6% daripada keseluruhan kos sistem pencegahan kebakaran 	Makluman/ CKE
SKOP	RUMUSAN							
Elektrikal	<ul style="list-style-type: none"> • Proses rekabentuk dapat dipercepatkan kerana tidak perlu merujuk lukisan siling oleh arkitek • Masa pembinaan dapat disingkatkan kerana kerja-kerja hanya melibatkan penyelarasan dan pemasangan skop kerja elektrikal dan mekanikal sahaja • Penyelenggaraan lebih mudah cepat kerana tiada kekangan ruang untuk selenggaraan • Kerja-kerja pemasangan dan mengkod warna <i>conduit, cable</i> dan <i>tray</i> bagi infra servis perlu dibuat dengan lebih teliti dan memerlukan penyelarasan semasa proses rekabentuk dan pembinaan. Perkara ini dijangka akan memberi implikasi kepada tempoh masa, prestasi sistem serta kos tambahan kepada kerja-kerja plaster, cat dan <i>light fitting/fixture</i>. 							
Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan kepada sistem mekanikal • Kualiti dan prestasi sistem mekanikal yang lebih baik kerana koordinasi lebih teratur dan kualiti udara yang lebih baik kerana ruang perlu direkabentuk secara air-tight. • Penjimatan kepada pemasangan sistem seperti <i>double layer detector</i> sebanyak 5% dan <i>sprinkler</i> sebanyak 6% daripada keseluruhan kos sistem pencegahan kebakaran 							

Bil.	Perkara Dibincangkan		Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> Namun begitu terdapat jangkaan pertambahan kepada kapasiti penyaman udara pertambahan 5% bagi keseluruhan kos sistem penyaman udara <p>Ulasan pengerusi: Skop Elektrikal tidak menyatakan perbezaan dari segi kos, hanya skop kerja terlibat sahaja.</p> <p>Sila rujuk LAMPIRAN B bagi laporan hasil kajian perbandingan kos .</p>		
4.2	Wakil CASKT telah meminda sasaran bilangan projek yang menggunakan GPSS daripada 8 projek kepada 2 projek sahaja untuk bangunan yang siap dan diduduki (peringkat verifikasi pemarkahan) sehingga 2020.	Makluman	
4.3	Wakil CKAS memaklumkan bahawa katalog IBS 2017 telah siap dan diwartakan untuk pemakaian. Tiada lagi katalog baru akan dibuat kecuali terdapat permintaan	Makluman	
5.0	PENUTUP		
5.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kerjasama ahli yang hadir pada mesyuarat ini dan berharap agar semua maklumbalas dan perkara-perkara yang masih tertangguh dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah diputuskan di dalam mesyuarat. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.	Makluman	

Disediakan oleh:

Urusetia

Jawatankuasa Kerja Sumber dan Bahan

Cawangan Arkitek.